

Pemilihan Jawatankuasa Pusat MCA, Pemuda dan Wanita (2018-2021)

Peraturan Pemilihan

(Diluluskan oleh mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA pada 29/9/2018)

Mukadimah

Mesyuarat Agung Tahunan MCA pada 12 November 2016 serta Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 4 Mac 2017 telah meluluskan artikel Perlembagaan Parti bagi meluaskan sistem perwakilan, dan memutuskan bahawa Jawatankuasa Pusat akan datang akan dipilih oleh perwakilan Bahagian.

Jawatankuasa Pusat MCA dalam mesyuaratnya pada 29 September 2018 telah meluluskan Peraturan Pemilihan ini untuk kegunaan Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat dalam melaksanakan Pengundian Jawatankuasa Pusat MCA, Pemuda dan Wanita.

1. Notis penamaan dan pemilihan

1.1 Ibu Pejabat MCA berpandukan kepada ketetapan Jawatankuasa Pusat, akan mengutus surat kepada Para Perwakilan Pusat serta perwakilan Bahagian-bahagian MCA, Pemuda dan Wanita yang berkelayakan pada 9 Oktober 2018 memaklumkan tentang tarikh, waktu serta lokasi pencalonan dan pemilihan untuk:

Badan	Kelayakan bertanding	Kelayakan mengundi
MCA	Artikel 33 (Perwakilan Pusat MCA)	Artikel 73 (Perwakilan Bahagian MCA)
Pemuda MCA	Seksyen 46.1, 46.2, 46.3 (Perwakilan Pusat Pemuda MCA)	Seksyen 20.1 (Perwakilan Bahagian Pemuda MCA)
Wanita MCA	Seksyen 10.2 (Perwakilan Pusat Wanita MCA)	Seksyen 8.3 (Perwakilan Bahagian Wanita MCA)

1.2 Tarikh, waktu dan tempat mengundi

Badan	MCA	Pemuda MCA	Wanita MCA
Tarikh	4.11.2018 (Ahad)	3.11.2018 (Sabtu)	
Waktu	2.00ptg-7.00mlm	2.00ptg-7.00mlm	
Tempat	Sila layari portal rasmi MCA: mcape.mca.org.my		

2. Pencalonan untuk Pemilihan Pusat

2.1 Hanya Perwakilan Pusat MCA, Pemuda atau Wanita yang layak, boleh menyertai pencalonan untuk Pemilihan Pusat.

- 2.2 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan menyediakan kertas pencalonan yang seragam. Ibu Pejabat akan menghantar notis Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) serta borang pencalonan kepada para perwakilan Pusat MCA, Pemuda dan Wanita yang berkeelayakan. Borang tersebut juga boleh didapatkan dari Ibu Pejabat MCA atau muat turun dari portal rasmi MCA (3 helai dalam 1 set).
- 2.3 Pencadang dan penyokong mestilah Perwakilan Pusat MCA yang memenuhi Artikel 33 Perlembagaan Parti, Perwakilan Pusat Pemuda MCA yang memenuhi Seksyen 46.1, 46.2 serta 46.3 Peraturan Pemuda MCA atau Perwakilan Pusat Wanita MCA yang mematuhi Seksyen 10.2 Peraturan Wanita MCA.
- 2.4 Seseorang calon mestilah mengisi dengan lengkap borang pencalonan dan menurunkan tandatangannya. Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat tidak akan menerima sebarang borang yang tandatangannya merupakan salinan fotostat. (3 helai dalam 1 set).
- 2.5 Semua borang pencalonan mestilah diserahkan kepada Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat di Dewan San Choon, Wisma MCA, di antara jam 1 petang hingga tepat 5 petang, pada 15 Oktober 2018 (Isnin). Borang yang dihantar lewat tidak akan diterima.
- 2.6 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan menerima semua borang pencalonan yang memenuhi syarat. Kecuali pencadang, penyokong atau calon menyalahi Artikel 14 Perlembagaan Parti dan hilang keahliannya, Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat tidak boleh menolak mana-mana borang pencalonan atas apa-apa alasan teknikal.
- 2.7 Bilangan calon yang dikemukakan oleh pencadang/penyokong mestilah tidak melebihi tempat yang perlu diisi oleh jawatan berkaitan seperti berikut:
 - i) hanya boleh mencadangkan/ menyokong 1 calon Presiden
 - ii) hanya boleh mencadangkan/ menyokong 1 calon Timbalan Presiden
 - iii) hanya boleh mencadangkan/ menyokong tidak lebih daripada 4 calon Naib Presiden
 - iv) hanya boleh mencadangkan/ menyokong tidak lebih daripada 25 calon Ahli Jawatankuasa Pusat, dan seterusnya
- 2.8 Setamatnya tempoh pencalonan, Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan menampalkan semua borang pencalonan mengikut jawatan yang ditandingi, di atas papan kenyataan.
- 2.9 Mana-mana Perwakilan Pusat MCA, Pemuda dan Wanita yang layak boleh mengemukakan bantahan terhadap pencalonan masing-masing dalam masa 30 minit selepas tamat tempoh pencalonan. Semua bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan kepada Urusetia Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat, yang akan

membuat keputusan muktamad. Bantahan yang lewat tidak akan dilayan. Keputusan Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat adalah muktamad.

- 2.10 Calon-calon tidak dibenarkan menarik diri selepas tamat tempoh pencalonan. Mereka yang ingin menarik diri mestilah berbuat demikian melalui notis bertulis kepada Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat sebelum tamat tempoh pencalonan. Nama mereka yang menarik diri selepas itu tetap akan muncul di atas kertas undi. Walau bagaimanapun, pencadang dan penyokong tidak dibenarkan menarik diri pada bila-bila masa sekalipun.
- 2.11 Setelah tamat tempoh mempamerkan borang-borang pencalonan, Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan memuktamadkan jumlah pencalonan. Jika jumlah pencalonan sama dengan jumlah kuota jawatan berkenaan, semua calon diisytiharkan menang tanpa bertanding. Untuk jawatan yang ada pertandingan, pengundian perlu dijalankan.
- 2.12 Setelah Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat menentukan semua pencalonan, akan diadakan upacara cabutan, di mana nombor bagi menentukan turutan nama atas kertas undi, akan dibuat oleh calon-calon atau wakil-wakil.

3. **Daftar perwakilan yang layak bertanding dan mengundi**

Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan memaparkan senarai perwakilan yang layak bertanding dan mengundi di portal rasmi MCA.

4. **Tempat mengundi**

- 4.1 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan menghubungi Jawatankuasa Perhubungan Negeri selepas Mesyuarat Agung Tahunan Bahagian, supaya menyelaraskan lokasi mengundi yang sesuai di setiap Bahagian dengan Bahagian-Bahagian berkenaan.
- 4.2 Satu tempat mengundi untuk setiap Bahagian.
- 4.3 Semua cadangan tempat mengundi mestilah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat dalam tempoh yang ditetapkan, untuk diproses dan dimajukan kepada Majlis Presiden/ Jawatankuasa Pusat MCA untuk diputuskan dan seterusnya diumumkan melalui portal rasmi MCA.
- 4.4 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat berhak melantik wakilnya untuk menentukan kesesuaian lokasi yang dicadangkan.
- 4.5 Ketua Tempat Mengundi (KTM) mestilah siap menyusun tempat mengundi sehari sebelum hari mengundi.

- 4.6 Pada hari mengundi, KTM mestilah menampal poster panduan hari mengundi di tempat yang mudah dilihat di tempat mengundi, menyatakan dengan jelas tempoh mengundi yang sah, perkara-perkara penting serta notis tempat mengundi yang bertulis nama Bahagian.
- 4.7 KTM juga hendaklah meletakkan jam di tempat yang mudah dilihat, dan jam tersebut mestilah mengikut sepenuhnya masa yang dipaparkan oleh stesen radio televisyen Malaysia (RTM).
- 4.8 Setiap Bahagian perlu menyediakan kamkoder bagi merakam keseluruhan proses pengundian serta pengiraan kertas undi, untuk tujuan rekod.
- 4.9 KTM, pemantau serta petugas dibenarkan mengundi lebih awal dahulu pada hari mengundi.
- 4.10 Calon-calon serta penyokong-penyokong tidak dibenarkan melobi dalam lingkungan 50 meter dari tempat mengundi.

5. **Pelantikan KTM serta petugas**

- 5.1 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan mengutus surat kepada Jawatankuasa Perhubungan Negeri selepas Mesyuarat Agung Tahunan Bahagian, bagi menyelaraskan serta mencadangkan calon yang sesuai untuk dilantik menjadi KTM di tempat mengundi Bahagian masing-masing. KTM dan petugas-petugas dikehendaki menguruskan kerja-kerja berkaitan pengundian dan pengiraan kertas undi MCA, Pemuda dan Wanita sesuatu Bahagian.
- 5.2 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan memproses senarai berkenaan dan dimajukan kepada Majlis Presiden/Jawatankuasa Pusat untuk disahkan. Watikah pelantikan akan dikeluarkan bagi menjalankan tugas pada hari mengundi nanti.
- 5.3 KTM serta petugas yang dilantik mestilah menjalani latihan yang akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat, serta menandatangani surat sumpah.
- 5.4 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat berhak menukar mana-mana KTM dan petugas yang tidak menghadiri sesi latihan.

6. **Kertas undi**

- 6.1 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat bertanggungjawab mencetak serta mengagihkan kertas-kertas undi.
- 6.2 Di atas kertas undi tercetak nama-nama calon berdasarkan aturan nombor yang telah dicabut. Semua kertas undi akan dicetak dengan kod Bahagian masing-masing, contohnya AA-M/AA-Y/AA-W.

- 6.3 Nama calon di atas kertas undi adalah mengikut nama di MyKadnya.
- 6.4 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan menyediakan kertas undi mengikut bilangan perwakilan Bahagian masing-masing.
- 6.5 Semua kertas undi dihantar oleh wakil khas Ibu Pejabat ke tempat yang ditetapkan di negeri-negeri untuk diagihkan kepada para KTM.

7. **Daftar perwakilan Bahagian**

- 7.1 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan menyediakan daftar perwakilan Bahagian, untuk memudahkan pengesahan identiti serta pemberian kertas undi.
- 7.2 Daftar perwakilan Bahagian tersebut, setelah tamat pengundian, hendaklah dimasukkan ke dalam kotak yang disediakan oleh Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat dan dihantar balik bersama-sama dengan kertas-kertas undi untuk disimpan di Ibu Pejabat.
- 7.3 Portal rasmi MCA juga akan mewujudkan satu laman Semakan untuk pemilihan (mcape.mca.org.my), bagi memudahkan perwakilan Bahagian mengetahui lokasi pengundiannya.

8. **Pemantau pemilihan**

- 8.1 Terdapat 3 kategori pemantau:
 - 1) Pemantau lantikan Ibu Pejabat (direkomen oleh Jawatankuasa Perhubungan Negeri)
 - 2) Pemantau diirekomen oleh Bahagian (bilangannya mengikut kumpulan pengira undi Bahagian yang dipantau) (Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan menyelaras supaya mereka menjalankan tugas pemantauan di Bahagian-bahagian lain)
 - 3) Pemantau lantikan calon-calon untuk jawatan tertinggi MCA, Pemuda dan Wanita;

Skop kerjanya termasuklah memantau proses pengundian dan pengiraan kertas undi.

- 8.2 Calon-calon yang bertanding jawatan Presiden Parti, Timbalan Presiden Parti, Ketua Pemuda, Timbalan Ketua Pemuda, Ketua Wanita serta Timbalan Ketua Wanita, boleh melantik pemantau di setiap tempat mengundi.
- 8.3 Calon-calon yang bertanding jawatan Naib Presiden Parti, Naib Ketua Pemuda serta Naib Ketua Wanita dan ke atas, boleh melantik seorang pemantau untuk memantau proses penjumlahan undi di Pusat Penjumlahan Undi di Ibu Pejabat.

- 8.4 Semasa bertugas, Pemantau tidak dibenarkan berjalan merata-rata, mahupun menyentuh kertas undi sebarang.
- 8.5 Untuk sebarang pertanyaan, pemantau bolehlah mengemukakannya kepada KTM, yang mesti menanganinya pada ketika dan di tempat itu juga, berlandaskan peraturan pemilihan. Jika tidak, KTM mestilah menghubungi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat untuk penyelesaiannya.

9. **Prosedur pada hari mengundi**

- 9.1 Jika terdapat Perwakilan Bahagian yang dilantik oleh Ibu Pejabat untuk memantau proses pengundian di Bahagian lain, beliau boleh undi awal pada pukul 1 petang, supaya membolehkan beliau sampai di tempat mengundi yang ditentukan sebelum pukul 2 petang, untuk menjalankan tugasnya.
- 9.2 Perwakilan Bahagian yang sah mestilah mengemukakan salah satu dokumen asal umpamanya Mykad, kad ahli bergambar, paspot, atau lesen memandu bergambar untuk mengambil kertas undi.
- 9.3 Sekiranya identiti seseorang dipertikaikan, KTM hendaklah menjalankan prosedur pengenalan cap jari (biometrik) bagi memastikan identitinya.
- 9.4 Perwakilan Bahagian tidak dibenarkan mengambil gambar kertas undi. Jika didapati berbuat demikian, perlulah memadam gambar tersebut dengan serta-merta. KTM mestilah melaporkan insiden tersebut kepada Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.
- 9.5 Untuk sebarang aduan, perwakilan Bahagian mestilah mengisi borang aduan dan serahkannya kepada KTM.
- 9.6 KTM hendaklah mengumumkan jumlah kertas undi yang telah diberikan pada jarak setiap jam.
- 9.7 KTM mestilah mengumumkan tamat pengundian apabila tempoh untuk mengundi tamat seperti ditetapkan. Walau bagaimana pun, KTM hendaklah membenarkan perwakilan yang masih dalam barisan di tempat mengundi untuk membuang undi mereka.
- 9.8 KTM menjalankan prosedur penyitaan peti undi di bawah pemantauan pemantau.
- 9.9 Setelah selesai pengundian, KTM perlu mengira jumlah kertas undi yang tidak dikeluarkan, mengisi [Borang 9](#) dan menandatangani bersama pemantau untuk pengesahan. Borang 9 yang lengkap diisi mestilah dihantar oleh KTM kepada Pusat Penjumlahan Undi Ibu Pejabat terlebih dahulu melalui e-mail atau WhatsApp (gambar dengan CamScanner).

10. **Pengiraan undi**

- 10.1 KTM juga mengepalai kerja-kerja pengiraan undi.
- 10.2 Status kertas undi ditentukan berdasarkan buku panduan undi ragu yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 2017.
- 10.3 Untuk sebarang jawatan, apabila terjadi calon-calon mendapat undi sama banyak atau perbezaan undi kurang dari 4%, KTM secara automatik akan memulakan pengiraan untuk kali kedua;
- 10.4 Untuk jawatan yang perlu diisi oleh lebih dari 2 orang, apabila terjadi calon-calon mendapat undi sama banyak atau perbezaan undi kurang dari 4% untuk kuota terakhir, KTM secara automatik akan memulakan pengiraan untuk kali kedua;
- 10.5 Sebarang keputusan selepas kiraan semula adalah muktamad. Hanya dibenarkan mengulang kira sekali sahaja;
- 10.6 Setelah selesai pengiraan, KTM hendaklah mengisi keputusan tersebut pada borang berkaitan, kemudian menghantar kepada Pusat Penjumlahan Undi di Ibu Pejabat.
- 10.7 Setelah Pusat Penjumlahan Undi Ibu Pejabat menerima keputusan pemilihan Bahagian berkenaan, KTM dengan bantuan petugas menyita kotak yang mengandungi semua kertas undi serta dokumen berkaitan dan mestilah menghantar ke pejabat Jawatankuasa Perhubungan Negeri tidak lewat daripada 5 November 2018. Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau Pertugas Ibu Pejabat akan menghantarnya secepat mungkin ke Ibu Pejabat untuk simpanan selama 90 hari, sebelum dilupuskan.
- 10.8 Jika terdapat pertikaian terhadap keputusan pemilihan di mana-mana Bahagian, pihak Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat berhak meminta KTM berkenaan menghantar keputusan pemilihan, kertas-kertas undi serta semua dokumen berkenaan ke pejabat Jawatankuasa Perhubungan Negeri dengan segera untuk tindakan sewajarnya.
- 10.9 KTM hanya boleh menyuraikan pasukan petugasnya setelah Pusat Penjumlahan Undi menerima keputusan pemilihan di Bahagiannya.

11. **Pusat Penjumlahan Undi**

- 11.1 Pusat Penjumlahan Undi akan diadakan di Dewan San Choon, Wisma MCA, bagi mengumpul, mengesah serta menjumlahkan keputusan pemilihan Bahagian-bahagian seluruh Negara;
- 11.2 Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat akan mengumumkan keputusan penuh selepas selesai penjumlahan undi.

12. Undi popular dan undi electoral

- 12.1 Setiap perwakilan Bahagian boleh membuang satu undi (Popular Vote);
- 12.2 Setelah perwakilan Bahagian membuang undi, undi-undi popular akan ditukar kepada undi elektoral (Electoral Vote);

Kaedah penentuan bilangan undi elektoral:

Bil. Perwakilan Bahagian	Undi elektoral	Catatan
7 – 25	1	Jika sesuatu Bahagian hanya mempunyai 7 perwakilan, maka sekurang-kurangnya 4 orang iaitu melebihi 50% mesti hadir untuk mengundi bagi mendapatkan 1 undi elektoral.
26 - 75	2	
76 – 150	3	
151 – 250	4	
251 – 400	5	
401 – 600	6	
600 ke atas	7	

- 12.3 Apabila peratus mengundi mencapai 50 atau lebih, barulah pemenang akan mendapat kesemua undi electoral Bahagian tersebut. Jika tidak, undi elektoralnya akan ditentukan mengikut jumlah perwakilan yang hadir mengundi. Sila rujuk Jadual Kiraan Undi Elektoral 12.2 di atas.
- 12.4 Untuk sebarang jawatan, apabila terjadi calon-calon mendapat undi sama banyak selepas pengiraan semula, KTM akan menentukan pemenang melalui kaedah cabutan. Kaedah membuang syiling tidak dibenarkan;
- 12.5 Pada peringkat Pusat Penjumlahan Undi, apabila terjadi calon-calon mendapat undi elektoral sama banyak, undi popular akan digunakan untuk menentukan pemenang. Sekiranya undi popular juga sama banyak, para perwakilan Pusat akan mengundi untuk penentuan pemenang dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).
13. Semua aktiviti berkempen hendaklah dihentikan jam 12.00 malam sebelum hari mengundi.
14. Sebarang pertikaian berkaitan peraturan pemilihan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat, dan keputusannya adalah muktamad.

15. Untuk sebarang pertanyaan, boleh berhubung dengan Urusetia Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat, di talian: 03-2203 3888
16. Untuk sebarang pertikaian, aduan atau kemusykilan yang timbul semasa pengundian dijalankan, KTM mestilah menanganinya pada ketika dan di tempat itu juga, dengan merujuk kepada peraturan-peraturan pemilihan. Jika tidak, KTM hendaklah menghubungi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat untuk mendapatkan cara penyelesaiannya.
17. **Kod Etika Ahli-ahli Parti**
 - 17.1 Setiap ahli parti mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memelihara imej serta nama baik parti.
 - 17.2 Semua perwakilan pusat yang sah menikmati hak yang diberikan oleh Perlembagaan Parti untuk bertanding; hak mereka tidak boleh diganggu, dihalang atau cuba diganggu dan cuba dihalang oleh mana-mana ahli. Semua ahli mestilah mematuhi peraturan-peraturan di bawah.
 - 17.3 Dalam sebarang aktiviti berkempen, ahli yang bertanding atau berkempen untuk calon lain mestilah memastikan pemilihan dijalankan secara adil dan sihat.
 - 17.4 Kandungan dalam sebarang kenyataan bertulis, ucapan mahupun lain-lain kaedah berkempen (termasuk laman web, pesanan ringkas telefon bimbit, emel dan sebagainya) mestilah berdasarkan prestasi politik dahulu dan sekarang calon, serta rancangan dan skop tindakannya. Tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan kenyataan yang bersifat membinasa, isu palsu, memutar-belit fakta serta manipulasi untuk menyerang parti, pemimpinnya atau sebarang calon.
 - 17.5 Untuk menghindari politik wang, pemimpin, ahli, agen dan penyokong tidak dibenarkan untuk menggunakan wang ringgit, insentif pelancongan, hadiah serta janji untuk jawatan dalam dan luar parti atau anugerah dan sebagainya, bagi mendapatkan sokongan ahli-ahli;
 - 17.6 Pada tahun pemilihan parti, semasa menghadiri atau menyertai sebarang perhimpunan atau jamuan di Ibu Pejabat, ahli-ahli berkenaan mestilah mematuhi penetapan Ibu Pejabat berhubung penginapan, pengangkutan dan sebagainya.
 - 17.7 Sebarang pertikaian yang timbul dari pemilihan mestilah dibawa kepada Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat untuk diputuskan. Tidak dibenarkan menghebohkannya kepada media atau pihak luar.
 - 17.8 Mereka yang melanggar peraturan akan dihadapkan ke Lembaga Disiplin Parti untuk tindakan lanjut.

Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Ibu Pejabat MCA
29/09/2018